

14 NOV 1998

AFFIFUDDIN-BSKL

PENINGKATAN BSKL HASIL KAWALAN PERTUKARAN, KATA DR AFFIFUDDIN

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Langkah kawalan pertukaran yang diperkenalkan oleh kerajaan baru-baru ini berjaya merangsangkan dagangan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), kata Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Affiduddin Omar, hari ini.

"Pada 1 Sept, tahun ini Indeks Komposit, (penanda aras BSKL) adalah pada 273 mata, kerendahan bagi tempoh 11 tahun, tetapi hari ini pada 14 Nov, ia meningkat kepada 483 mata di mana ia adalah satu peningkatan melebihi 200 mata dalam tempoh 40 hari," katanya kepada pemberita di majlis penyampaian diploma RIIAM (Institut Kajian Analisis Pelaburan Malaysia) dalam program Analisis Pelaburan di sini.

Beliau menambah peningkatan dalam dagangan BSKL diharap akan berterusan dan indeks kukuh akan dicapai dengan segera.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kawalan pertukaran itu adalah untuk menstabilkan ringgit agar kegiatan ekonomi lain akan lebih dapat diramal dan perancangan akan dapat dilakukan dengan sempurna.

Apabila ditanya bila langkah itu akan ditarik balik, Dr. Affifuddin berkata: "Ketika ini kami tidak bercadang untuk menarik balik mana-mana kawalan, kami akan terus menetapkan ringgit."

Ringgit ditetapkan pada RM3.80 berbanding dolar Amerika.

"Seperti yang dikatakan oleh Perdana Menteri, kawalan pertukaran akan ditarik balik apabila masyarakat antarabangsa mengambil sesuatu tindakan ke arah mengawal selia aliran modal jangka pendek dan menerima pakai arkitektur baru bagi pasaran kewangan," tambahnya.

Mengenai penyeludupan ringgit ke Singapura baru-baru ini, beliau berkata keadaan itu tidak serius walaupun Jabatan Kastam membuat beberapa penangkapan.

Beliau berkata, pada pandangannya, penyeludupan itu dilakukan oleh pihak yang mahu membuat keuntungan dengan menjual ringgit di Singapura pada kadar rendah berbanding di Johor kerana terdapat permintaan bagi ringgit oleh rakyat Singapura.

Ramai rakyat Singapura yang membeli belah di Johor Baharu serta bandar-bandar lain di Johor kerana kebanyakan barangan keperluan harian adalah jauh lebih murah di Malaysia berbanding di negara itu, tambahnya.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Affifuddin berkata pergolakan ekonomi semasa adalah satu pengajaran yang mahal dan memeritkan bagi rakyat Malaysia.

-- BERNAMA

MK ZK MA